

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: KOSMO (NEGARA)

TARIKH: 11 JANUARI 2018

MUKA SURAT: 17

Istana Negara terima sijil perakuan bomba



ISTANA Negara yang terletak di Jalan Tuanku Abdul Halim, Kuala Lumpur banyak menganjurkan acara melibatkan Yang di-Pertuan Agong, pemimpin serta pembesar luar negara.

KUALA LUMPUR - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia semalam menyampaikan Sijil Perakuan Bomba kepada Istana Negara setelah melalui pemeriksaan keselamatan yang rapi dan teliti.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Khirudin Drahan berkata, sijil itu adalah pengiktirafan kepada Istana Negara yang mempunyai fasiliti keselamatan yang diselenggara dengan baik mengikut standard yang ditetapkan.

"Pemberian sijil tersebut membuktikan sistem kebombaian dan fasiliti Istana Negara berada dalam

keadaan baik dan boleh berfungsi pada bila-bila masa.

"Ia (sijil) perlu diperbaharui setiap tahun dan dalam aspek ini, pihak pengurusan Istana Negara perlu sentiasa memastikan sistem dalam keadaan baik," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian sijil yang diadakan bersempena Perhimpunan Bulanan Istana Negara di sini semalam.

Turut hadir pada perhimpunan yang disertai 400 kakitangan dan pegawai-pegawai Istana Negara adalah Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Datuk Wan Ahmad Dahlan Ab Aziz. -Bernama



KHIRUDI (kanan) menyerahkan sijil perakuan bomba Istana Negara kepada Wan Ahmad semalam.